



TEKS UCAPAN NAIB CANSOLOR

MAJLIS MENANDATANGANI MEMORANDUM PERJANJIAN DAN MEMORANDUM PERSEFAHAMAN ANTARA UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA DAN TIGA RAKAN KOLABORASI

16 Jun 2023 (Jumaat)

Terima kasih Saudara/Saudari Pengacara Majlis.

Bismillahirrahmanirrahim.

**ALHAMDULILLAH ROBBIL 'AALAMIIN
WASOLAATU WASSALAAMU 'ALAA ASYRAFIL
ANBIYAAI WAL MURSALIIN
WA 'ALAAALIHI WASOHBIBI AJMA'IN.**

Salutasi (Kemas kini berdasarkan kehadiran)

Para hadirin serta Rakan Media yang dihormati
sekalian,

**Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh, Selamat
sejahtera dan Salam Malaysia MADANI.**

1. Alhamdulillah, segala puji dan syukur ke hadrat
Illahi kerana dengan limpah rahmat-Nya kita dapat
bersama-sama pada petang ini bagi menjayakan Majlis
Menandatangani;

- **Memorandum Perjanjian (MoA)** antara Universiti Teknologi MARA (UiTM) dengan Mobilus Sdn. Bhd. dan
- **Memorandum Persefahaman (MoU)** dengan REKA Inisiatif Sdn. Bhd. dan Suruhanjaya Pelabuhan Pulau Pinang.

2. Saya ingin mengucapkan ucapan ribuan terima kasih dan amat berbesar hati menerima kedatangan kesemua rakan kolaborasi yang sudi hadir pada petang ini ke Universiti Teknologi MARA (UiTM).

3. Saya juga turut mengalu-alukan kehadiran wakil-wakil dari Sarawak Metro Sdn. Bhd. dan Murata Manufacturing Co. Ltd, Japan yang merupakan rakan strategik REKA Inisiatif Sdn. Bhd.

Hadirin yang dihormati,

4. Industri dan universiti adalah dua entiti yang saling memerlukan antara satu sama lain. Justeru, kolaborasi dan kerjasama perlu dijalinan bagi untuk faedah bersama. Kolaborasi dan sinergi antara industri dan universiti membawa kepada perkongsian idea, pembangunan program pengajian, pembukaan peluang penjana pendapatan, dan penyediaan peluang-peluang latihan dalam kalangan mahasiswa.

5. Makanya, UiTM sentiasa memberi ruang kepada industri untuk mengorak langkah mengadakan kerjasama. Pada petang ini kolaborasi dan kerjasama ini dizahirkan melalui sesi menandatangani memorandum perjanjian dengan Mobilus Sdn. Bhd. yang telah memberi kepercayaan kepada UiTM untuk menjalankan latihan bukti konsep (POC) bagi projek *Kuching Urban Transportation System* (KUTS) yang melibatkan latihan kenderaan prototaip berkuasa hidrogen iaitu *Autonomous Rapid Transit* (ART).

6. Kenderaan ART prototaip untuk latihan POC ini berukuran 30.2 meter panjang, 2.65 meter lebar dan 3.7 meter tinggi. Ia boleh mencapai kelajuan sehingga 70 kilometer sejam dan mempunyai kapasiti 241 penumpang dengan susun atur tempat duduk yang disemak semula.

7. Di sini UiTM menyumbang di dalam Projek rintis KUTS untuk negeri Sarawak dan hasil latihan bukti konsep ini akan membantu rakan kolaborasi di dalam pelaksanaan sebenar kelak.

8. Kenderaan ART ini menggunakan tenaga sel bahan bakar hidrogen dan ini selaras dengan matlamat pembangunan lestari (SDG) ke-13. Teknologi ini merupakan salah satu solusi dalam menangani isu perubahan iklim global. UiTM mendukung inisiatif ini kerana ia selaras dengan agenda antarabangsa dan negara. Sekali gus ia turut menjadi agenda transformasi negeri Sarawak di dalam menuju ke arah negari maju pada tahun 2030.

Hadirin yang dihormati,

9. Di majlis ini juga kita akan turut menandatangani Memorandum Persefahaman dengan REKA Inisiatif Sdn. Bhd. dan Suruhanjaya Pelabuhan Pulau Pinang.

10. Secara umum tujuan memorandum ini adalah untuk mengukuhkan kerjasama penyelidikan di antara universiti dan industri dalam bidang pengangkutan darat dan laut dengan berkongsi pengetahuan dalam melaksanakan aktiviti pemindahan ilmu berkaitan dengan bidang pengangkutan darat dan laut seiring dengan perkembangan teknologi terkini.

11. Kerjasama dengan REKA Inisiatif Sdn. Bhd. ini turut memberi fokus kepada penyelidikan dalam bidang *Internet of Things* yang akan menentu ukur data (*data calibration*) dari alat sensor LIDAR yang menangkap data pengangkutan di jalan raya. MITRANS akan membuat kajian bagi mengukur ketepatan data yang dikumpul oleh alat sensor dari syarikat ini.

12. Hasil daripada penyelidikan ini akan mewujudkan bukti kerja yang boleh menyumbang kepada garis

panduan aplikasi teknologi ke arah pengkomersialan yang lebih luas. Seterusnya membantu industri untuk terus berkembang dan menyokong pembangunan bandar pintar (*smart city*) terutama di dalam aspek pembangunan dan perkhidmatan jalan raya dan pengangkutan.

13. Manakala kerjasama bersama Suruhanjaya Pelabuhan Pulau Pinang memfokuskan kepada penyelidikan di dalam bidang berkaitan model perniagaan pelayaran (*cruise business model*) untuk pemasaran pelancongan antarabangsa dan perancangan pembangunan pelabuhan. Hasil dari penemuan penyelidikan akan memberi manfaat kepada pihak suruhanjaya untuk bergerak maju di dalam industri laut dan pelayaran.

Hadirin yang dihormati,

14. UiTM di dalam misi bagi mencapai hasrat menjadi *Globally Renowned University* telah melancarkan pelan

strategik dengan tujuan utama bagi menjadikan UiTM sebagai sebuah universiti terkemuka dunia menjelang 2025.

15. Tiga teras strategik digariskan pihak universiti dalam pelan tersebut sebagai tunggak utama iaitu pendidikan berkualiti, kecemerlangan global dan prestasi berasaskan nilai. Justeru, dengan kolaborasi bersama industri, saya yakin UiTM mampu merealisasikan visi Universiti seperti yang dihasratkan ini.

16. Saya telah dimaklumkan bahawa beberapa program kerjasama telah dirancang dan dijalankan dengan lebih giat setelah MoA dan MoU ini disempurnakan. Dengan ini saya ingin merakamkan ucapan selamat maju jaya kepada kesemua terlibat.

17. Sebelum saya mengakhiri ucapan, saya sekali lagi ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada Institut Pengangkutan Malaysia (MITRANS) yang telah berusaha meralisasikan kolaborasi ini bersama Mobilus Sdn. Bhd., REKA Inisiatif Sdn. Bhd., Suruhanjaya

Pelabuhan Pulau Pinang, Sarawak Metro Sdn. Bhd. dan Murata Manufacturing Co. Ltd, Japan yang merupakan rakan strategik REKA Inisiatif Sdn. Bhd.

18. Tidak lupa saya ucapkan penghargaan dan jutaan terima kasih kepada petugas-petugas yang telah menjayakan usaha dan majlis kita pada petang ini.

19. Dengan itu saya dengan penuh takzim saya mengakhir ucapan ini dengan ucapan selamat maju jaya.

Sekian

Wabillahi Taufik Wal Hidayah,

Wassalammualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.